

TARIKH : 16 JULAI 2020
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : M/ S 42

Penduduk dunia dijangka susut

Unjuran 8.8 billion menjelang 2100 akibat penurunan kadar kesuburan, usia lanjut

Paris: penduduk dunia diunjurkan mencapai 8.8 billion menjelang 2100, dua billion lebih rendah berbanding anggaran semasa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Satu kajian diterbitkan semalam turut meramalkan perubahan kuasa baru global yang dibentuk oleh penurunan kadar kesuburan dan penduduk berusia lanjut.

Menjelang akhir abad ini, di 183 daripada 195 negara, jika tidak mengambil kira kebanjiran pendatang asing, penduduknya akan berkurangan sehingga bawah paras yang perlu untuk mengekalkan

keseimbangan, menurut laporan pasukan penyelidik antarabangsa dalam *The Lancet*.

Lebih 20 negara, termasuk Jepun, Sepanyol, Itali, Thailand, Portugal, Korea Selatan dan Poland, akan menyaksikan jumlah penduduknya susut sekurang-kurangnya separuh.

China juga diramalkan mengalami nasib sama, dengan 1.4 billion penduduk yang ada sekarang dijangka berkurangan menjadi 730 juta dalam tempoh 80 tahun lagi.

Sementara itu, penduduk negara Sub-Sahara dijangka bertambah tiga bilion lagi, dengan Nigeria berkembang kepada hampir 800 juta pada 2100, ketua di belakang India yang diramalkan mencatat 1.1 billion penduduk.


Ketua pengarang Christopher Murray, yang juga pengarah Institut Kesihatan Metrik dan Penilaian (IHME) di Universiti Washington, berkata ramalan itu adalah khabar baik kepada persekitaran.

"Tekanan terhadap sistem makanan dan pengeluaran gas karbon akan berkurangan, selain mencipta peluang ekonomi kepada sebahagian negara Sub-Sahara Afrika."

"Bagaimanapun, kebanyakan negara di luar Afrika akan mengalih khususnya dari aspek tenaga kerja, yang akan memberikan kesan negatif kepada ekonomi," katanya.

Tambah beliau, bagi negara berpendapatan tinggi di bawah kategori itu, penyelesaian terbaik untuk mengekalkan tahap penduduk dan pertumbuhan ekonomi adalah dasar imigresen yang anjal serta sokongan sosial kepada keluarga yang mahu menambah anak.

"Bagaimanapun, dalam menghadapi risiko kekurangan penduduk, ada negara dijangka menimbulkan semula dasar mengehadkan akses kepada perkhemahan kesihatan reproduktif, sekali gus memberikan akibat lebih buruk," katanya.



Pengurangan kesuburan dan peningkatan jangka hayat bakal menyaksikan jumlah kanak-kanak bawah usia lima tahun berkurang sehingga lebih 40 peratus iaitu daripada 681 juta pada 2017 kepada 401 juta pada 2100.

Pada masa sama, 2.37 billion atau lebih suku daripada penduduk dunia, akan berusia lebih 65 tahun manakala mereka yang ber-

rumur lebih 80 tahun akan bertambah daripada 140 juta sekirang kepada 866 juta.

Menurut profesor di IHME, Steven Volpert, pengurangan ketara dalam nisbah penduduk dunia yang mampu bekerja akan menjelaskan pembangunan masyarakat kerana jumlah pemberdaya cukai dan pekerja berkurangan.

AFP